

Krisis di Bosnia: Mengapa Barat membantu Serbia?

Mukadimah
Berikut adalah sebahagian daripada pandangan Dr. Kalim Siddiqui, ketua Parlimen Islam Britain yang telah dibentangkan di majlis pembukaan Persidangan Sedunia mengenai Bosnia dan Gerakan Islam Sejagat, pada 13 November 1993 lalu di London. Parlimen Islam diwujudkan sebagai satu langkah untuk menyediakan sebuah institusi Islam yang lebih besar bagi menyalurkan idea-idea Islam.

KEDATANGAN umat Islam serta penetapan mereka di Eropah telah mengubah keadaan demografik benua Eropah. Jumlah umat Islam yang tinggal di Eropah kini berjumlah 30 juta orang. Umat Islam Britain berjuang membelan nasib masyarakatnya yang digelar sebagai kumpulan penghijrah baru. Proses perbaratan ke atas orang-orang Islam serta budaya mereka terus dijalankan.

Pada mulanya harapan bagi umat Islam Britain mengekalkan identiti mereka tinggal tipis sahaja sehinggalah datang pertolongan Allah SWT dengan berlakunya kisah penerbitan buku *The Satanic Verses*. Konflik yang timbul dari penerbitan buku yang kontroversi itu dan kebimbangan yang amat daripada kerajaan British terhadap fatwa yang telah dikeluarkan oleh Ayatollah Imam Khomeini tempoh hari menjelaskan keadaan umat Islam Britain yang sebenar.

Jika insiden Rushdie itu tidak berlaku, umat Islam Britain tidak akan sedar bahawa mereka sebenarnya hidup di dalam sebuah negara yang sistem politik dan mediana memusuhi Islam. Sikap sebenar kerajaan kini dapat disaksikan dalam episod *Satanic Verses* itu. Dalam situasi sedemikian hanya ada

satu perkara untuk dilakukan iaitu kembali kepada ajaran dan budaya politik Islam bagi mewujudkan jalan penyelesaian terhadap masalah masyarakat minoriti Islam di bumi Eropah itu.

Kelemahan masyarakat Islam yang terlihat sewaktu insiden buku Rushdie tempoh hari telah menjadi isu politik. Satu demonstrasi bagi memprotes penghinaan yang dilakukan telah dijalankan memandangkan terdapat lebih kurang 3 juta umat Islam dan kira-kira 1,000 buah masjid di Britain. Para ulama dan imam yang berjumlah beribu-ribu orang itulah yang menggerakkan masyarakat Islam supaya bangun memprotes.

Tetapi Kerajaan British sedar bahawa masyarakat Islam tidak mempunyai kepimpinan, organisasi serta sumber material yang kukuh. Oleh itu pendokong Islam mengambil langkah untuk memenuhi sekurang-kurangnya dua syarat yang asas iaitu pertama menyelesaikan masalah penerimaan umat Islam semua mazhab yang ada dalam Islam, keduanya berkenaan sudut politik suasana yang berlaku dalam masyarakat tersebut.

Pendokong Islam di Britain kembali kepada sejarah asas pengukuhan politik Islam. Jelas mereka mendapati bahawa untuk mewujudkan sebuah negara Islam sejati pada waktu ini belum dapat dilaksanakan, tetapi setakat kemampuan yang ada sebuah Parlimen Islam di Great Britain sebagai langkah awal dimulakan dan telah pun mengemparkan pihak media sewaktu cadangannya dikeluarkan tahun lalu.

PERUNDANGAN

Parlimen Islam mula ditubuhkan pada 4 Januari 1992 yang lalu. Penubuhan badan perundangan tersebut telah mencetuskan kemarahan dan kebimbangan daripada menteri kabinet, ahli parlimen, parti politik dan pihak media. Para pendokongnya bertegas mengatakan bahawa parlimen itu akan bertindak sebagai sebuah 'sistem politik' bagi menjaga hal-ehwal umat Islam Britain. Namun tarafnya adalah sama seperti Badan Pegawai Agama Yahudi British, badan Gereja atau Kesatuan Sekerja. Rakyat Britain Islam telah menentukan tujuan bersama, mengikut undang-undang dan juga mengamalkan kebebasan bagi kebaikan Islam dan umatnya di Britain.

Parlimen Islam Britain setakat ini sudah berjaya mewujudkan *al-Mal al-Islami* bagi memungut wang zakat harta benda, fitrah dan sedekah dan seterusnya menyalurkan sumber kewangan tersebut dalam bidang pendidikan, kebajikan dan lain-lain keperluan umat Islam di Britain dan juga di luar negara. Parlimen Islam ini berhasrat untuk membentuk masyarakat Islam yang terpelajar, bermoral tinggi dan masyarakat yang makmur di Britain. Sebuah masyarakat Islam yang mempunyai organisasi, disiplin dan kepimpinan dapat menyediakan satu platform dakwah yang utuh bagi rantau Barat. Badan yang diwujudkan di Britain ini boleh menjadi model bagi negara-negara umat Islam minoriti lain supaya masuk ke dalam arena Gerakan Islam sejagat.

Parlimen Islam Great Britain memerlukan antara 10 hingga 20 tahun lagi untuk mengembangkan kekuatan organisasinya, rangkaian institusi gabungan dan sumber tenaga manusia dan materialnya sebelum memasuki ke dalam skop yang lebih mencabar. Nampaknya masa yang diperuntukan adalah satu jangkamasa yang panjang. Pada hari ini kehidupan manusia sudah tidak terkawal dari keganasan lagi. Sekiranya sesuatu keganasan berlaku jauh dari kawasan sesebuah negara yang diduduki, mungkin sebarang kekacauan yang berlaku dapat dielakkan seperti geografi Bosnia yang dilanda krisis yang begitu tenat sekali, terletak jauh.

Analogi pertama daripada sejarah Eropah yang menyelip ke dalam fikiran kita ialah apa yang berlaku di Sepanyol. Lebih kurang 500 tahun yang lalu di Sepanyol, dengan teknologi yang wujud pada waktu itu, pemerintah monarki yang beragama Kristian dan pihak gereja telah mengambil selama 150 tahun merancang pembersihan etnik ke atas umat Islam yang tinggal di bahagian Semenanjung rantau tersebut. Tetapi lihatlah bagaimana puak Serbia dapat mencapai pembersihan etnik ke atas tiga perempat umat Islam Bosnia-Herzegovina hanya dalam masa dua tahun!

METODOLOGY

Setelah itu Kerajaan Eropah di negara-negara pemerintahan kolonial yang bertapak di pelusuk dunia mengambil metodologi mempertahankan khemah tahanan politik dan

lain-lain yang dianggap penggugat keamanan. Langkah ini terus dikemaskini di Eropah.

Apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri British dan Setiausaha Luarnya adalah satu penipuan. Mungkinkah apa yang berlaku di Bosnia ialah perang saudara? Sebenarnya perang terhadap Bosnia-Herzegovina ialah satu penaklukan sebuah negara, seolah-olah cerita klasik yang dituliskan dalam buku teks.

Puak Serbia di Bosnia bagi rakyat Serbia sama seperti Austria dan rakyat Jerman di Sudetenland bertindak terhadap puak Nazi di Jerman. Perang itu adalah perang penindasan bagi tujuan pengembangan wilayah seperti peluasan empayar kerajaan zaman dahulu. Puak Serbia telah lama menyimpan hasrat untuk memerangi Bosnia-Herzegovina ketika kerajaan Austria-Hungary mengilhakkan bekas wilayah Uthmaniyyah di Bosnia dan Herzegovina pada tahun 1908 yang lepas. Selepas perang pada tahun 1914-1918 (secara ironisnya bermula di Sarajevo) persoalan mengenai Slav Selatan diketepikan dengan pembentukan Yugoslavia.

Suasana politik di Eropah memang tidak pernah stabil. Keadaannya sering berubah-ubah. Kemunculan kuasa besar selepas satu peperangan yang panjang yang dikenali dengan perang dunia adalah faktor penyebabnya. Kuasa besar itu menguasai PBB dan sistem yang dimainkannya sentiasa bersifat berat sebelah.

Anggota yang kekal dalam majlis keselamatan PBB iaitu negara yang meraih kemenangan sewaktu perang



Dr. Kalim Siddiqui, ketua Parlimen Islam Britain

dunia tempoh hari. Negara-negara ini cuba mengadakan beberapa perubahan di negara-negara lain iaitu di Korea, Indo-China, Asia Selatan, Timur Tengah, Eropah Timur, Afrika dan Amerika Selatan. Kejayaan kuasa besar dunia itu berjaya diperolehi dalam berbagai-bagai tahap namun dalam beberapa keadaan kuasa besar itu turut dapat dikalahkan seperti yang berlaku di Vietnam, Afghanistan, Somalia, Palestin dan lain-lain negara. Kemudian muncul pula sebilangan negara bangsa di rantau Baltic di Eropah Tengah dan Asia Tengah.

Perbincangan di atas adalah sebahagian daripada perkara asas yang perlu difahami untuk menjawab tiga persoalan pertama mengapa Kerajaan Barat secara sembunyi atau terang-terangan membantu puak Serbia. Kedua mengapa masyarakat Islam yang hidup di Eropah dan Amerika Utara sekarang berada dalam ancaman, dan terakhir mengapa negara Islam yang mengikut telunjuk Barat tidak langsung berusaha menolong atau mempertahankan rakyat Bosnia. (disusun semula dari *Crescent International*)



KRISIS di Bosnia terus berpanjangan akibat permainan politik Barat.



Hak kemanusiaan tahanan di penjara Serb turut dicabuli.